

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HSI 341 Sejarah Asia Barat Moden

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. 'Amir 'Abdul 'Aziz (Ibn Sa'ud) telah berjaya membangunkan negara Arab Saudi Moden. Nilaikan sejauhmanakah program pembangunannya sejajar dengan aspirasi Wahhabiyah yang diperjuangkannya itu?
2. Imperialisme dalam apa jua bentuknya menyebabkan rakyat pribumi kehilangan hak-hak mereka. Ulaskan kenyataan ini dan hubungkannya dengan sejarah di negara Libya atau Algeria pada zaman penjajahan.
3. Sejauhmanakah Sayyid Muhammad Rasyid Ridha mewakili golongan Salaf dalam perjuangannya untuk mengembalikan umat Islam ke arah kejayaan berbanding dengan gurunya, Syaikh Muhammad 'Abduh?
4. Bandingkan gagasan pan-Islam yang diperjuangkan oleh Sayyid Jamaluddin al-Afghani dengan Sultan Abdul Hamid II.
5. Tanzimat (1839-1876) telah dilaksanakan oleh para pemuka Othmaniyah untuk mengukuhkan kedudukan kerajaan pusat dan mencegah Empayar Turki Othmaniyah daripada kehancuran akibat diganyang oleh kuasa-kuasa Barat. Tetapi, mengapakah ia gagal untuk mendapat sokongan yang sepadu daripada rakyat?

.../2

6. Mustaffa Kamal (Ataturk) melalui dasar pembaratannya berjaya mengsekularkan Turki, tetapi gagal untuk membebaskan negaranya daripada cengkaman ekonomi Barat. Bersetujukah anda?
7. Jamal Abdun Nasir membenci penjajahan Barat dan sistem feodal yang menafikan hak rakyat, tetapi beliau sendiri memerintah sebagai seorang autokrat. Komen!
8. Mengapakah Regim Muhammad Reza Shah yang disokongi oleh Amerika Syarikat dapat digulingkan dalam Revolusi Islam Iran pada tahun 1979?

-ooo000ooo-